



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2018 Petikan Akhbar Utusan Malaysia - Bajet 2019: Elak Cukai Baharu

Utusan Malaysia - Bajet 2019: Elak Cukai Baharu

🕒 Jumaat, Okt 26 2018



Bajet 2019: Elak cukai baharu

Oleh **NUR HANANI AZMAN**

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 25 OKT.

KERAJAAN diharap tidak akan memperkenalkan cukai yang tidak menggalakkan pelaburan dan mengekalkan kadar semasa bagi Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT).

Pengarah Urusan CBRE WTW, Foo Gee Jen (**gambar**) berkata, kerajaan tidak perlu melaksanakan cukai baharu ke atas industri hartanah terutama yang tidak produktif seperti cukai kekosongan atau 'vacancy tax'.

Katanya, kerajaan juga perlu mengelak daripada melak-

Kerajaan tidak perlu melaksanakan cukai baharu ke atas industri hartanah terutama yang tidak produktif seperti cukai kekosongan atau *vacancy tax*."

FOO GEE JEN

sanakan langkah-langkah yang melampau dan gangguan berlembutan yang boleh menyekat pertumbuhan pasaran.

"Memandangkan perubahan



baharu dalam kerajaan, pasaran dan pelabur asing terutamanya akan meminta jaminan atas keyakinan mereka terhadap Malaysia. Ini terutamanya dit-

erapkan melalui dasar yang konsisten.

"Jadi, elakkan perubahan yang tidak menentu yang akan mencetuskan kejutan atau kekeliruan dalam pasaran," katanya di sini hari ini.

Gee Jen juga menggesa lebih banyak insentif untuk menggalakkan penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS) untuk kos pembinaan perumahan yang lebih rendah dan seterusnya harga rumah.

Sementara itu, Presiden Harta, Ejen Harta dan Perunding Harta Swasta Malaysia (Peps), Michael Kong meminta kerajaan untuk memberi tumpuan kepada penubuhan sebuah agensi pusat dan pangkalan data serta

maklumat berkaitan.

Tambah beliau, maklumat dan pangkalan data perlu dikongsi dalam menyelesaikan isu ketidakpadanan dalam bekalan perumahan dan permintaan.

"Ketidakpadanan berlaku apabila tidak ada penyelidikan yang betul dilakukan pada lokasi pembinaan perumahan mampu milik. Ini adalah masalah kritikal kerana kita hanya membina di mana sahaja yang kita fikir perlu mempunyai perumahan itu.

"Jika anda membina di tempat yang tidak 'diingini', siapakah yang akan membeli? Ini seterusnya menyumbang kepada masalah yang kita hadapi sekarang," katanya.

**Pekeliling
Perbendaharaan**

Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 14 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216